

67 orang dikurnia gelaran datuk

JOHOR BAHRU, Sabtu — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengetuai senarai 1,272 orang yang dikurniakan darjah-darjah kebesaran dan pingat-pingat kehormatan oleh Sultan Johor sempena ulangtahun keputeraan baginda yang ke-85 esok.

Datuk Seri Dr. Mahathir dianugerahkan Datuk Sri Paduka Mahkota Johor (SPMJ) pangkat pertama yang membawa gelaran Datuk.

Duabelas orang lagi turut dikurniakan darjah kebesaran yang sama, termasuk Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr. Neo Yee Pan, puteri Raja Muda Johor dan menantunya, Tengku Sulaiman Shah ibni Sultan Sa-lahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj dan Tengku Kamariah Aminah Maimunah Iskandariah binti Tunku Mahmood Iskandar Alhaj.

Kesemuanya 67 orang

Oleh TAJUDDIN SAMAN

dikurniakan darjah kebesaran yang memba-wa gelaran Datuk, 30 orang darjah Setia Mahkota Johor, 18 orang dianugerahkan bintang Jaksa Pendamai (JP), 61 orang dikurniakan Pingat Lama dan Baik dalam Kerajaan, 13 menerima Pingat Kera-na Jasa dan Lama dalam Kerajaan, 745 orang lagi Pingat PIS kedua, 138

orang pingat PIS pangkat 3 dan 210 orang Bintang Sultan Ismail (BSI) pangkat kedua.

Lain-lain yang dikurniakan Darjah Datuk Sri Paduka Mahkota Johor ialah:



■ DATUK SERI DR. MAHATHIR

Ahli Majlis Mesyuarat Johor merangkap Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Perumahan dan Kerajaan Tempatan Johor, Datuk Haji Abdul Rahman Mahmud, Ahli Jumaah Majlis Diraja Johor, Orangkaya Datuk Haji Hassan Haji Mohd. Saat.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia